



#MajuTerusPahang #Pahang1st

Ruj. Kami : PERB.PHG.BPP 100-1/5/2 JLD. 2 (9)
Tarikh : 20 Jun 2025

SEMUA KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Dato'/YAA Dato'/YH Dato'/Tuan,

**SURAT ARAHAN OPERASI AKAUNTAN NEGERI BILANGAN 4 TAHUN 2025
- PENJELASAN MENGENAI KELULUSAN PENGECUALIAN KELEWATAN
MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PERJALANAN PEGAWAI AWAM**

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Surat Arahan Operasi ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai kuasa Pegawai Pengawal dalam memberi kelulusan pengecualian kelewatan mengemukakan pegawai tuntutan perjalanan pegawai awam menurut Arahan Perbendaharaan 100(a).

2. Sukacita saya ingin menarik perhatian YB Dato' Indera/Sahibus Samahah Dato'/YAA Dato'/YH Dato'/tuan kepada **pindaan** Arahan Perbendaharaan 100 (a), melalui surat edaran Ketua Setiausaha Perbendaharaan, rujukan: MOF.BKSK.600-1/7/1 Jld.3(2) bertarikh 17 Julai 2024 iaitu "Tuntutan perjalanan mengikut Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam dan arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan hendaklah **disahkan dan dikemukakan tidak lewat dari 15 hari bulan dalam bulan yang berikutnya**. Sebarang kelewatan dalam mengemukakan permohonan dari tempoh yang ditetapkan hendaklah mendapat kelulusan daripada Pegawai Pengawal. Bagi maksud kelulusan tersebut, Pegawai Pengawal boleh membuat penetapan kuasanya kepada pegawai kanan untuk meluluskan pengecualian tersebut. Kelulusan yang diberi hendaklah mengikut peraturan yang berkuat kuasa".

3. Sehubungan dengan peraturan tersebut, Pegawai Pengawal hendaklah menggunakan format seperti **Lampiran A** serta memastikan semua Pusat Tanggungjawab di bawah kawalan mencatatkan Nombor Rujukan dan tarikh kelulusan dalam Senarai Semak Modul Tuntutan dan Perjalanan atau Modul Akaun Belum Bayar.

4. Selaras dengan Arahan Perbendaharaan 103(a), "Ketua Jabatan hendaklah meminta supaya bil dan tuntutan disampaikan dengan segera. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa bil dan tuntutan itu dibayar dengan segera dalam tempoh 14 hari dari tarikh ia diterima dengan lengkap dan sempurna". Oleh itu tarikh 14 hari adalah bermula daripada tarikh kelulusan Arahan Perbendaharaan 100(a).


Justeru Pusat Tanggungjawab tidak memerlukan kelulusan YB Pegawai Kewangan Negeri sebelum proses Tuntutan Perjalanan dilaksanakan dalam Modul Pendahuluan Dan Tuntutan dalam Sistem iSPEKS.

5. Surat Arahan Operasi Akauntan Negeri Bilangan 4 Tahun 2025 berkuat kuasa daripada tarikh surat ini, justeru surat edaran Ruj Kami: (11)dIm.PERB.PHG.7/25A bertarikh 26 Mei 1994 adalah dibatalkan.

Sekian, terima kasih.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' NOR AKILLAH BINTI OSMAN C.A.(M))
Akauntan Negeri
b.p Pegawai Kewangan Negeri
Pahang Darul Makmur

s.k: YB Pegawai Kewangan Negeri



KERAJAAN NEGERI PAHANG

**PERMOHONAN KELULUSAN PENGECCUALIAN
ARAHAN PERBENDAHARAAN 100 (a)**

JABATAN: _____

1. BUTIR-BUTIR PEMOHON :

Nama :
Jawatan :
Daerah/Bahagian/Unit :
Bulan/Tahun Tuntutan :

2. SEBAB-SEBAB KELEWATAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN PERJALANAN:

(sila sertakan borang tuntutan dan pembuktian)

3. PENGAKUAN :

Saya mengaku bahawa butir-butir seperti yang dinyatakan di atas adalah benar.

Tarikh:

(Tandatangan Pemohon)

4. PENGESAHAN PEGAWAI PENYELIA :

Adalah disahkan bahawa keterangan di atas adalah benar.

Tarikh:

(Nama Pegawai & Gred Jawatan)

KELULUSAN PEGAWAI PENGAWAL

DILULUSKAN / DITOLAK

Catatan:

(Tandatangan & Cap Rasmi Jawatan)
Tarikh:

No. Rujukan Kelulusan :